

FENOMENA DELINKUEN DALAM KALANGAN REMAJA YANG BERISIKO DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DI LUAR BANDAR MALAYSIA

Mohd. Nuri Mustafa

Jabatan Pemajuan Profesional dan
Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
UPM

Prof. Turiman Suandi, Phd

Prof. Azimi Hj Hamzah, Phd

Prof. Madya. Dr. Ismi Arif Ismail

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian kes tentang fenomena belia remaja delinkuen yang berlaku di pusat pengajian Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di luar bandar Malaysia. Pelbagai pihak telah pun berusaha untuk memahami dan membuat penyelidikan dengan pelbagai dapatan yang diperolehi. Namun penyelidikan tersebut tidak dapat menjadi input bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam diri para belia, bahkan belia remaja makin bertambah terlibat dengan gejala delinkuen. Dalam kajian ini pengkaji telah melakukan tumpuan itu bagi memahami perlakuan tersebut dengan membuat pemahaman terperinci terhadap masalah psikologi, pegangan agama dan kecerdasan emosi. Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa ciri-ciri psikologi belia yang delinkuen adalah Rendah Penerimaan

Kendiri, Kuasa Autonomi Pasif, Kemesraan Bersama Kawan, Bertindak Agresif, Ada Matlamat Hidup, Rendah Penghargaan Kendiri. Manakala pegangan agama dan kecerdasan emosi menunjukkan mereka adalah Lemah Mengurus Tekanan Emosi, Ingin Mencuba, Lemah Pegangan Agama, Rendah Kawalan Emosi Kendiri. Tiada kesedaran potensi diri. Di samping itu terdapat faktor luaran yang paling dekat dari pengaruh rakan sebaya dan pengaruh keluarga yang kurang berperanan tanggungjawab mereka dalam membentuk remaja sehingga menyumbang kepada tingkah laku delinkuen.

Kata Kunci: Fenomena, Delinkuen, Rakan Sebaya, Psikologi, Kecedasan Emosi.

Latar Belakang kajian

Di institusi pendidikan seperti SMKA, para pelajarnya dihebohkan dengan kecemerlangan akademik yang amat memberangsangkan. Bahkan, mereka juga sentiasa didedahkan dengan aktiviti keagamaan melalui Badan Dakwah dan Redaksi (BADAR) dengan penghayatan Islam yang sebenar. Di sebalik keadaan itu, pusat pengajian SMKA juga tidak terkecuali dari terlibat dengan gejala yang disifatkan sebagai delinkuen. Terdapat dalam kajian Zulkifli dan Azrinawati (2006) menunjukkan bahawa beberapa kes salah laku remaja di sekolah agama mengejutkan masyarakat. Agak sukar untuk difahami kerana umumnya mengetahui para pelajar tersebut sentiasa terdedah dengan pembelajaran Islam, namun masih lagi melakukan perbuatan yang tak baik.

Pernyataan Masalah Kajian

Kajian yang ada sebelum ini banyak melibatkan perkara apa yang berlaku di SMKA. Pemahaman terhadap kepelbagian trait personaliti masih belum dapat menjadi input bagi menyelesaikan masalah yang berlaku. Dari segi praktiknya teori tentang trait personaliti sukar untuk diaplikasikan dalam pendidikan. Maka tumpuan pada perkara yang berkaitan dengan masalah psikologikal dan sosiologikal adalah diutamakan dalam kajian ini. Begitu juga, dengan perbincangan yang luas skopnya terhadap pengaruh persekitaran yang semakin membiak tidak juga membawa perubahan kepada belia remaja yang delinkuen. Maka pengaruh Mikrosistem dititik beratkan iaitu ibu bapa dan rakan sebaya dalam teori Ekologi Bronfenbrenner (1979,1989), dimana ia perlu difahami dalam konteks peranan dan tanggungjawab.

Kepentingan Kajian

Kajian perlu dilakukan bagi menghilangkan tanggapan dan persepsi masyarakat yang salah terhadap pendidikan Islam dan guru pendidikan Islam sebagai tidak berperanan.

Ojektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memahami fenomena delinkuen dalam kalangan belia remaja yang akan dijalankan di pusat pengajian Sekolah Menengah Kebangsaan Agama masa kini. Secara objektifnya kajian ini adalah untuk menentukan:

- a) Memahami fenomena delinkuen yang berlaku terhadap belia remaja di pusat pengajian SMKA luar bandar.
- b) Memahami ciri-ciri peribadi belia yang terlibat dengan tingkah laku delinkuen.
- c) Memahami prinsip kepercayaan dan amalan hidup keagamaan yang ada dalam kalangan belia yang delinkuen.
- d) Memahami kecerdasan emosi yang ada dalam kalangan belia yang delinkuen.
- e) Memahami faktor tingkah laku yang membentuk sikap delinkuen dalam kalangan belia remaja.

Skop dan Limitasi Kajian

Skop dalam kajian tumpuannya kepada permasalahan psikologi (kesejahteraan psikologi, penghayatan agama & kecerdasan emosi). Manakala persekitaran tertumpu kepada pengaruh rakan sebaya & keluarga yang paling dekat mempengaruhi sikap delinkuen belia remaja.

Limitasi masa hanya sekitar tahun 2014 dan 2015. Manakala limitasi tempat pula adalah melibatkan perlakuan belia remaja yang berada di SMKA Tok Bachok. Ia dipilih adalah kerana pusat pengajian tersebut berada di luar Bandar.

Dari segi had umur mengikut had umur Negara Malaysia yang menentukan

had umur awal belia itu adalah dalam lingkungan 15 sehingga 17 tahun (IPBBM, 2010). Mereka akan dipilih sebagai sampel berdasarkan rekod disiplin yang ada pusat pengajian berkenaan.

Kajian Fenomena Delinkuen

Kajian fenomena delinkuen di Malaysia telah mula dilakukan oleh Abdul Latif (1984), Manja (1990), Ibrahim (1997) dan bagi dekad ini adalah Azizi (2008-2010). Tumpuan kajian mereka tertumpu kepada bentuk perlakuan delinkuen, faktor, hubungan delinkuen dengan persekitaran dan kesan delinkuen terhadap tingkah laku dalam kalangan belia remaja. Kajian yang dilakukan adalah berlandaskan model yang telah diperkatakan oleh penyelidik sebelum ini. Ada model berkaitan dengan individu sahaja seperti pengaruh biologi (Richard Lerner, 1978), emosi (Despert, 1965) dan ada model yang berkaitan dengan sosial sahaja seperti Skinner (1953). Walau bagaimanapun, model Maura O'Keefe (1995) nampak faktanya lebih menyeluruh mencakupi individu dan persekitaran iaitu personaliti, sosiologikal dan psikologikal.

Model Individu

Mengikut model Maura O'keefe jika ditinjau pada aspek personaliti pengkaji-pengkaji cuba mencari perkaitan yang ada makna diantara personaliti dan pelbagai aspek yang membabitkan perlakuan manusia (Sharifudin Ismail & Noordin Yahaya, 2008).

Terdapat kajian dalam kalangan penyelidik terkenal seperti Hergenhahn dan Olson (1999), Gordon Allport (1961), Mischel (1981), Eysenck (1967) dan Sigmund Freud (1940) menunjukkan bahawa personaliti dilihat sebagai sesuatu yang unik dan ia terdapat perbezaan dengan seseorang individu yang lain tanpa melihat kepada asas pembentukan personaliti itu.

Dalam Islam ukuran kebaikan personaliti bukan berdasarkan perbezaan personaliti di antara seseorang dengan seorang yang lain. Jadi, sifat kehambaan manusia adalah ukurannya. Lantaran itu, ar-Raghib al-Asfahani (1985) menjelaskan bahawa kesempurnaan individu ada empat tahap. Dua tahap daripadanya berkait dengan hati dan dua tahap lagi berkaitan dengan amalan. Bersesuaian dengan perkara itu ar-Raghib (1985) telah menyatakan bahawa bagi memulih peribadi yang rosak kepada akhlak yang mulia, ia perlu menyucikan jiwanya (an-nafs) yang merupakan sebahagian dari unsur psikologikal dalam model Maura O'keefe.

Model Persekitaran

Sebahagian lagi dalam model Maura O'keefe berkaitan dengan aspek sosiologikal ada kesannya dari pengaruh persekitaran yang memberi kesan terhadap psikologi remaja. Menurut Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979,1989) (Hami, 2009) bahawa ibu bapa dan rakan sebaya yang dinamakan sebagai Mikrosistem adalah

persekitaran yang terdekat di mana kanak-kanak mempunyai interaksi secara langsung dan menghabiskan paling banyak masa iaitu keluarga dan rakan sebaya.

A. Pengaruh Keluarga

Dapatan sebelum ini bahawa rumah tangga yang retak, bergelora dan porak peranda akibat daripada konflik, perceraian, kematian ibu bapa atau sebagainya merupakan punca yang menimbulkan remaja bermasalah. Dalam keadaan yang lain, Ramai penyelidik mengaitkan delinkuen dengan kasih sayang keluarga (Fadzilah Kamsah dalam How Lee Chan, 2007), (Abd.Rahman, 1988), (Shamsaadal & Abdullah, 2006), (Arieff & Wardah). Bagi Zainudin (2011) menilai permasalahan remaja yang ponteng ada kaitan dengan sosio ekonomi keluarga. Jadi perkaitan pengaruh keluarga terhadap delinkuen adalah pelbagai, namun ia masing-masing menyumbang kepada ketahanan diri remaja yang termasuk dalam aspek psikologi.

B. Pengaruh Rakan Sebaya

Terdapat banyak kajian yang mengaitkan perkara tersebut dengan pengaruh rakan sebaya dalam membentuk perlakuan negatif remaja. Terdapat banyak

kajian yang mengaitkan kumpulan rakan sebaya membentuk tingkah laku negatif, seperti menurut tingkah laku kumpulan oleh Mustafa Fahmi (1971) dengan menghisap rokok. Terikutkan pandangan rakan sebaya oleh Klausmerier et al. (1975) lebih dari ibubapa. Mencontohi rakan sebaya oleh Mansur Abdullah et al. (1988) dengan menyerap tingkah laku baru. Kenyataan tersebut diperkuatkan lagi oleh Dewan Masyarakat (April 1995) bahawa remaja cenderung menuruti tingkah laku kumpulan yang mana ia berada di dalamnya. Biasanya, apabila ahli kumpulan dipukul, mereka akan membala secara berkumpulan. Kenyataan tersebut juga telah dibincangkan lagi oleh Azizi et al. (2010) yang memberi gambaran bahawa rakan sebaya amat berpengaruh dalam pembentukan tingkah laku.

Disamping pengaruh rakan sebaya mendatangkan perlakuan negatif, rakan sebaya juga boleh membentuk kognisi sosial (Nursuhaili, 2006) yang menghasilkan tingkah laku positif (Quek Miow Leng, 2010). Namun ia bergantung kepada aspek psikologi yang mampu untuk mempertahankan diri mereka bagi mencorak perlakuan positif itu.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang bersifat fenomenologi. Kajian ini dilakukan melalui proses temuramah pemerhatian yang dilakukan ke atas guru Pentadbir Hal Ehwal Murid, guru disiplin, kauselor dan dokumen responden sebagai strategi untuk mendapat sampel yang terpilih. Setelah sampel diperolehi responden yang terlibat akan berkongsi pengalaman dengan pengkaji mengenai kehidupan yang dilaluinya semasa di pusat pengajian yang tersebut. Soal selidik dijalankan menggunakan protokol kualitatif mengikut panduan yang telah dicadangkan oleh Krueger (1994) untuk mengumpulkan data daripada murid, keluarga, rakan sebaya, guru dan pentadbir. Soalan-soalan yang diajukan berdasarkan soalan semi struktur mengikut panduan yang telah diberikan oleh Patton (dalam Zuber 2005). Kemudian data-data itu dikumpul mengikut apa yang diutarakan oleh Miles dan Huberman (1994) untuk dianalisis. Penganalisan data berlaku dalam dua peringkat iaitu semasa pungutan data dan selepas pungutan data. Bagi mengurangkan aspek bias penggunaan pendekatan triangulasi dalam penganalisan data digunakan (Gall, Borg & Gall 1996).

ANALISIS DATA

Data-data yang dihasilkan adalah sebagai menjawab kepada beberapa soalan yang ditimbulkan seperti berikut.

Jawapan Soalan Pertama: Apakah fenomena delinkuen yang berlaku di pusat pengajian SMKA. Tok Bachok.

a) Kes Mencuri

Mencuri adalah merupakan fenomena yang kerap berlaku di pusat pengajian SMKA ini. Namun kesalahan itu pengkaji dapati tiada dicatat dalam rekod disiplin pusat pengajian tersebut. Hanya satu rekod sahaja tercatat dalam tempoh beberapa tahun kejadian yang berlaku.

b) Kes Merokok

Kes merokok juga merupakan kes yang kerap juga berlaku di pusat pengajian SMKA ini. Berdasarkan dapatan di atas maka pengkaji mencari responden yang terlibat dengan kes tersebut. Dua orang responden telah dipilih berdasarkan maklumat dalam buku rekod catatan disiplin iaitu pelajar A dan pelajar B.

Berdasarkan analisis data yang telah dijalankan kes utama yang berlaku mendapati seorang responden terlibat dengan kes merokok yang boleh dijadikan sebagai responden asas. Manakala dua orang responden melibatkan kes merokok dan mencuri adalah sebagai "snowball" iaitu responden

yang menyokong kepada data yang diperolehi dari responden asas.

Jawapan Soalan Kedua: Bagaimanakah bentuk ciri keperibadian belia remaja yang delinkuen.

Data itu telah dihasilkan berdasarkan protokol kesempurnaan psikologi belia remaja yang delinkuen. Jawapannya didatangkan dalam bentuk ciri-ciri keperibadian belia remaja tersebut.

Ciri-ciri Keperibadian

Ternyata dalam kajian ciri-ciri keperibadian responden mempunyai 6 sifat yang menunjukkan personaliti diri mereka yang terbentuk.

- a) Rendah Penerimaan Kendiri
Hasil kajian terhadap responden menunjukkan bahawa mereka mengakui mempunyai peribadi dari segi kualiti dirinya adalah buruk seperti menghadapi kesalahan rambut panjang, lompat pagar asrama/sekolah, ponteng kelas dan bergaduh mulut dengan kawan. Tingkah laku tersebut telah dikategorikan sebagai tingkah laku tiada keperaturan. Tingkah laku "Tiada Keperaturan" yang merupakan sub dimensi kedua dalam tingkah laku berisiko (IPPBM, 2010)

Pengalaman mencuri juga telah menimbulkan pelbagai tanggapan buruk terhadap dirinya sendiri iaitu kepercayaan orang terhadap dirinya. Rasa menyesal juga telah melingkari diri dari perbuatan yang telah berlaku. Konsekuensi dari penyesalan itu mengakibatkan belia remaja tersebut rasa tidak tenang dan gelisah. Mereka terperangkap dalam kegelisahan yang tidak berkesudahan samada boleh berhenti atau tidak dari perbuatan buruk yang telah berlaku. Dapatan ini nampak bersesuaian dengan Azizi et al, (2010) dalam kajiannya yang berpendapat bahawa penemuan sebelum ini menunjukkan bahawa, meskipun remaja mungkin mempunyai keupayaan kognitif untuk menilai risiko, mereka masih terlibat dalam banyak perilaku berisiko.

- b) Kuasa Autonomi Pasif
Belia remaja sepatutnya memiliki sifat narsisma iaitu memberi perhatian lebih terhadap kesempurnaan diri (Jas Laili, 2008). Namun sikap responden ternyata kurang mampu berdikari untuk menyelesaikan masalah peribadi, terutamanya dalam pelajaran.

Ciri-ciri tersebut jika dilihat adalah merupakan ciri-ciri yang berkaitan dengan autonomi bukan kognitif. Dalam perkembangan tersebut Ryff, C.D, (1989) dalam kajiannya telah menunjukkan beberapa dimensi kesejahteraan psikologi seseorang antaranya autonomi iaitu salah satu subjeknya adalah mampu berdikari. Maka dalam konteks ini bagi seseorang yang tidak ada kemampuan berdikari adalah dianggap sebagai seorang yang masih ada masalah psikologi.

- c) Berupaya Menjadi Pengikut
- Hasil kajian yang dijalankan terhadap responden belia remaja yang delinkuen rendah pandangan kendirinya. Kerana, mereka merasakan dirinya hanya layak menjadi pengikut orang lain sahaja. Menurut Rosenberg (1979), individu yang rendah penghargaan kendiri tidak dapat menerima dirinya dan menganggapkan dirinya tidak berguna dan serba kekurangan. Maka mereka rasa hanya layak menjadi pengikut kepada keputusan orang lain.

Maka hasil dapatan responden yang dikaji ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Greenberger, Chen, Tally, & Dong

(2000) menyatakan bahawa individu yang mempunyai penilaian negatif atau pun rendah mengenai diri sendiri sering menghadapi kesukaran dan masalah di mana penghargaan kendiri yang rendah juga dikaitkan dengan kemurungan, penglibatan dengan rakan sebaya yang nakal dalam kalangan remaja, dan penglibatan dalam tingkah laku delinkuen itu sendiri.

Inilah ciri keperibadian yang ditonjolkan oleh responden yang terlibat dengan delinkuen. Ia juga sama dengan dapatan yang dikemukakan oleh Nurul Hudani et al, (2011) yang mendapat secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap penghargaan kendiri di kalangan belia remaja bermasalah adalah sederhana.

- d) Bertindak Agresif
- Perbuatan agresif boleh berlaku disebabkan oleh pelbagai perkara Antaranya kurang persefahaman dengan rakan sebaya juga boleh berlaku perbuatan agresif itu. Hasil kajian menunjukkan responden terlalu cepat mengambil tindakan agresif sebelum membuat pertimbangan dan siasatan terlebih dahulu terhadap sesuatu perkara yang berlaku. Tindakan itu dirasakan wajar bagi memuaskan hatinya.

Reitz (2006) berpendapat bahawa ketiadaan penjelasan terhadap kawalan tingkah laku juga adalah berhubungan dengan masalah tingkah laku remaja disebabkan kurangnya keperluan piawai untuk membezakan antara tingkah laku yang boleh diterima oleh masyarakat dan tingkah laku yang tidak boleh diterima masyarakat. Hal ini menyebabkan timbulnya masalah dalaman remaja seperti bersikap agresif dan delikuensi.

Begini juga dengan responden yang dibuli turut menyebabkan berlaku pergaduhan dan tindakan agresif jika buli yang dibuat mendapat tentangan dari mangsa buli. Pendapat yang sama juga disuarakan oleh (Azizi & et al, 2012) yang menyatakan bahawa, kekecewaan, kejengkelan, dan semuanya mudah menyebabkan seseorang itu berasa marah. Perasaan marah ini adalah satu daripada unsur yang penting untuk menghasilkan tingkah laku agresif. Biasanya, seseorang yang marah lebih cenderung untuk bersikap agresif.

Tindakan agresif yang dilakukan oleh responden adalah sebagai cubaan untuk menghalang tindakan membuli itu tidak berlaku

lagi. Ia adalah bertitik tolak daripada perasaan marah yang terpancar dari dalam jiwa setelah dibuli. Golongan ini juga percaya sikap agresif dapat mendatangkan keuntungan dan harga diri dapat dipertingkatkan dengan mendominasi orang lain sebelum perkara yang serius berlaku (Crick & Dodge 1996).

e) Ada Matlamat Hidup
Belia remaja yang delinkuen tidak selalunya dikaitkan dengan ketiadaan matlamat dalam hidup. Bahkan ketiga-tiga responden juga ada matlamat dalam hidup.

Dapatkan tersebut adalah sama dengan Zainudin dan Norazmah (2011) yang mendapati bahawa pelajar-pelajar yang terlibat dengan masalah sosial mempunyai matlamat hidup yang agak tinggi. Mereka juga mementingkan masa hadapan.

f) Kemesraan Bersama Rakan
Salah satu lagi ciri keperibadian belia remaja yang delinkuen ini adalah hubungan mereka dengan rakannya adalah sangat rapat. Hubungan itu telah menghasilkan suatu emosi yang berbentuk kasih dan kemesraan yang mendalam dalam jiwa mereka. Hubungan kemesraan

yang terjalin ini akan menyebabkan mereka sering suka bersama kawan melebihi dari ingin bersama dengan keluarga.

Kebersamaan mereka setiap masa akan menyemaikan pengaruh yang berupa positif atau negatif dalam hidup. Jika rakan yang menemani mereka adalah yang buruk tingkah lakunya, maka pastinya ia akan mempengaruhi belia remaja tersebut turut terlibat dengan tingkah laku delinkuen. Pemilihan rakan sebaya sangat penting dalam kehidupan mereka (Azizi & Jumat, 2010). Dapatkan ini menunjukkan bahawa belia remaja akan mencari rakan yang mudah mesra dengan mereka tanpa menilai kebaikan dan keburukan yang ada pada rakan itu.

Dapatkan tersebut bersesuaian dengan dapatan yang telah dinyatakan oleh Deshion et al. (1991), yang menyatakan hipotesisnya bahawa seseorang individu akan mencari kumpulan rakan sebaya dengan menggunakan usaha yang minimum. Maka disini, menunjukkan bahawa tolak menolak untuk berkawan mungkin berlaku dalam kehidupan belia remaja. Jadi, mereka akan memilih kumpulan

yang mana menerima mereka untuk berkawan.

Jawapan Soalan Ketiga: Sejauh manakah prinsip kepercayaan dan amalan hidup keagamaan belia remaja yang delinkuen.

Data-data yang diperolehi adalah sebagaimana berikut.

- a) Keyakinan yang tidak sempurna Sebagai seorang muslim responden telah pun mempunyai prinsip dan pegangan yang perlu dipercayai. Walau bagaimanapun prinsip dan pegangan tersebut masih longgar dalam jiwa belia remaja yang delinkuen ini.

Kehidupan beragama telahpun ditetapkan dengan suruhan dan perintah yang perlu diikuti bagi semuanya penganutnya yang telah mencapai umur. Namun hasil dapatan belia remaja yang delinkuen menunjukkan mereka selalunya akan melanggar perintah itu berbandingan dengan suruhan dan perintah yang telah ditetapkan.

Di sini menunjukkan bahawa dalam kehidupan belia remaja yang delinkuen tidak wujud ekspresi keagamaan iaitu keyakinan terhadap pencipta. Maka individu seperti responden dalam kajian yang dijalankan ini memberi pernyataan afirmatif bahawa "tauhid tidak

hanya difahami dalam konteks ritual sahaja, lebih penting dari itu adalah menterjemahkannya dalam bentuk amal secara nyata" (Muhammad M. Said, 2011).

b) Amalan Negatif

Hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan bahawa responden tidak begitu mementingkan amalan agama dalam hidup. Mereka melakukan amalan yang menjadi peraturan institusi pengajian hanya sebagai melepaskan batuk ditangga sahaja. Lebih nyata lagi dalam pemerhatian pengkaji terhadap responden pertama dan kedua sekalipun pada prinsipnya amalan buruk itu tidak disukai oleh mereka, namun ia tidak boleh dinafikan bahawa tak akan berlaku lagi ke atasnya.

Dapatan yang dihasilkan ini menunjukkan bahawa begitu lemah belia remaja kini dengan pegangan dan amalan agama. Ia sebenarnya tidak sepatut berlaku di institusi pengajian agama. Namun, apa yang diandaikan itu memaparkan suasana yang sebaliknya. Namun begitu dapatan lain menunjukkan bahawa gejala sosial adalah amat kurang berlaku di institusi pengajian agama dan jika berlaku pun ia

adalah ia adalah rendah dan kes terpencil (Hairunnizam et al, 2008).

Oleh itu ianya menjadi kayu pengukur kepada kehidupan seseorang individu adalah bergantung kepada apa yang terdapat didalam dirinya. Ia tiada kaitan dengan institusi pengajian. Kerana institusi pengajian tersebut pada realitinya telah memainkan peranan pembentukan seperti mana yang dikehendaki oleh pihak berwajib (*stake holder*). Bergantung kepada individu itu sendiri sejauh manakah telah mengambil manfaat terhadap program yang telah disusun.

Jawapan Soalan Keempat: Sejauh manakah kecerdasan emosi belia remaja yang delinkuen.

Data-data yang diperolehi adalah sebagaimana berikut;

- a) Rendah Kesedaran Emosi Diri
- Dalam kajian ini responden yang dikaji tidak menunjukkan kesedaran positif terhadap dirinya, terutamanya yang berkaitan dengan tingkah laku. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Chan Siok Gim dan Rodziah (2012) hasil dapatan menunjukkan bahawa hubungan kesedaran emosi dengan perilaku adalah sederhana.

- Walaupun hubungan kesedaran emosi dengan tingkah laku adalah sederhana namun kesederhanaan itu tidak menunjukkan ia tiada perkaitan. Jadi, perkaitan tetap ada. Maka ia adalah sama dengan dapatan pengkaji yang menunjukkan bahawa kesedaran emosi belia remaja ada perkaitan dengan tingkah laku mereka.
- b) Rendah Kawalan Emosi Diri
- Dalam kajian yang telah dijalankan terdapat kedua-dua responden yang dikaji terlibat dengan pelakuan delinkuen adalah kerana mereka tidak mampu mengawal dan mengelola emosi mereka. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Chan Siok Gim dan Rodziah (2012) hasil dapatan menunjukkan bahawa hubungan kawalan emosi dengan perilaku adalah sederhana. Walau bagaimanapun kesederhanaan itu tidak menunjukkan ia tiada perkaitan. Jadi, perkaitan tetap ada. Maka ia adalah sama dengan dapatan pengkaji yang menunjukkan bahawa kawalan emosi belia remaja ada perkaitan dengan tingkah laku mereka.
- c) Rendah Memotivasi Diri
- Hasil dapatan menunjukkan bahawa belia remaja yang delinkuen melalui responden pertama dan ketiga tidak memiliki sifat bermotivasi. Bahkan, sebaliknya mereka tidak mampu memotivasi diri disaat dirinya hendak tenggelam dalam kekacauan keinginan.
- d) Tujuan Persahabatan Longgar
- Responden yang dikaji hasil dapatan menunjukkan bahawa mereka amat menjaga persahabatan. Namun ke mana persabatan itu dijalankan tidak terdapat dalam hubungan yang mereka bina. Mereka hanya mahu persahabatan itu berlaku tanpa tujuan yang jelas. Bahkan, apa yang jelas mereka menjalankan hubungan itu adalah untuk menghilangkan *borring*. Dalam pemerhatian pengkaji responden yang delinkuen menjalankan perhubungan sesama mereka hanya untuk bermain dan mencari keseronokan.
- Makna persahabatan adalah penting untuk menentukan kehidupan seseorang belia remaja. Belia remaja perlu dibimbing untuk mencari persahabatan yang boleh membangunkan diri. Persahabatan itu bukan sekadar menghilangkan “*borring*” dan melepak bersama dengan menghabiskan masa tanpa sebarang faedah untuk pembangunan diri. Sebab itulah, gejala melepak bersama rakan

sebaya juga menjadi perhatian serius dalam kalangan belia remaja kini.

Jawapan Soalan Kelima: Mengapakah tingkah laku delinkuen itu boleh berlaku ke atas belia remaja masa kini.

Beberapa dapatan telah diperolehi. Dapatan yang telah diperolehi menghasilkan data-data kajian dalam dua bentuk faktor delinkuen. Pertama data-data tentang faktor dalaman diri. Kedua data-data tentang faktor persekitaran. Data-data yang berkaitan akan dijelaskan mengikut faktor yang telah disebutkan itu.

1. Faktor Dalaman Diri

Faktor dalaman diri adalah faktor yang lahir dari dalam diri manusia, ia bersifat "psikologi". Ia berlaku dalam diri manusia disebabkan oleh perubahan perkembangan yang berlaku ke atas diri manusia.

- a) Kelemahan Mengurus Tekanan Emosi
- Kegelisahan itu memerlukan pengurusan yang wajar bagi mengelak dari perlakuan buruk. Keadaan tersebut ternyata dalam reaksi belia remaja yang delinkuen mereka secara puratanya tidak mampu mengurus tekanan yang dialami. Disaat

tekanan itu berlaku mereka seolah-seolah hilang kawalan serta tak tahu bagaimana hendak mengatasi tekanan tersebut. Minda sedar seolah-seolah malap dan gelap dari mencari solusi kebenaran hidup.

Semasa dalam kelas belia remaja tersebut mengalami satu tekanan yang membosankan dirinya apabila terdapat subjek yang tidak disukai untuk dipelajari. Keadaan tersebut sebenarnya boleh mengundang kepada gejala ponteng kelas. Hasil dapatan menunjukkan bahawa responden pertama memang kurang memberi perhatian terhadap pelajaran yang tidak disukai. Norhasilah et al., (2012) menyatakan bahawa faktor utama gejala ponteng adalah disebabkan oleh sikap pelajar itu sendiri. Ada dalam kalangan pelajar yang tidak mempunyai motivasi diri untuk belajar dan kurang minat untuk bersekolah.

Sesungguhnya, kebanyakan belia remaja

- tiada kemahiran mengurus pilihan diri dengan wajar dalam situasi yang dihadapi. Mereka sering gagal menghadapi situasi yang ada apabila berhadapan dengan pilihan langkah yang perlu diambil. Masa remaja sepatutnya diisi dengan perkara yang bermanfaat. Hasil dapatan menunjukkan langkah yang mereka pilih bagi mengatasi tekanan adalah dengan merehatkan diri.
- b) Ingin Mencuba
- Hasil dapatan menunjukkan perasaan ingin mencuba mendorong belia remaja lebih kuat terhadap perbuatan yang salah. Sebab itulah responden kedua mengakui bahawa kemampuan menolak tawaran merokok itu tidak selalu terjadi. Sebaliknya, ada masa keinginan itu ditunaikan. Kajian lepas yang dilakukan oleh Asmak (2006) mengenai salah laku sosial remaja masa kini menunjukkan faktor ingin mencuba juga tinggi iaitu sebanyak 48%. Kajian ini juga selari dengan kajian yang dilakukan oleh Zainal dan Sharani (2004) yang menjelaskan, pada peringkat usia remaja, mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi. Dalam kajian Arief dan Wardah (2006) menjelaskan, keghairahan mencari sebab musabab baru menyebabkan remaja pada tahap ini suka mencuba perkara-perkara yang baru. Mereka terus mencuba bagi mencari pengalaman baru walaupun mereka terpaksa mengalami kegagalan dan kesalahan.
- c) Lemah Pegangan Agama
- Seterusnya data yang dihasilkan bagi menjawab persoalan yang berkaitan dengan pegangan agama. Jawapan salah seorang responden menggambarkan bahawa betapa lemahnya pegangan agama belia remaja yang ada pada hari ini. Mereka walaupun benci terhadap perbuatan buruk tetapi masih belum mampu membawa diri kepada kebaikan. Mereka bagaikan

sebuah lembaga yang tidak ada kuasa. Lantaran itu terjadilah amalan keagamaan yang dilakukan oleh belia remaja yang delinkuen dilakukan dengan tidak sepenuh hati. Pengkaji juga dapat merasakan bahawa responden masih jahil tentang agama. Apa yang dipelajari dalam Pendidikan Islam belum mampu dihayati sepenuhnya. Keadaan ini menunjukkan bahawa responden mengambil mudah meninggalkan kewajiban agama sebelum membuat rujukan terhadap guru yang lebih mengetahui hukumnya berkaitan perkara meninggalkan puasa. Rumusan yang diambil daripada hasil dapatan menunjukkan bahawa punca sebenar seseorang belia remaja yang delinkuen adalah lemah pegangan agamanya.

Di sini, menunjukkan bahawa hasil dapatan dari responden di atas adalah sama dengan kajian yang pernah dijalankan oleh Nik Aziz (1998), (Nor Aini Dan,

2002), Ab Halim et al. (2004). Mereka masing-masing berpendapat bahawa, kekuatan agama adalah salah satu daripada kekuatan asas yang harus dikuasai oleh individu bagi membersihkan jiwa, fikiran dan perlakuan daripada melakukan sebarang perkara yang tidak bermanfaat.

Kajian diperkuuhkan lagi kajian antarabangsa daripada Corcoran, & Nichols-Casebot (2004), begitu juga kenyataan McCullough, & Willoughby (2006), bahawa remaja yang mempunyai pegangan dan pengetahuan agama yang tinggi dilihat mampu mengatur kehidupannya dengan lebih tenang, sempurna dan sejahtera. Wallace, et al., (2007), pengetahuan agama yang kukuh mampu menjadi benteng kepada remaja yang berada pada peringkat tumbesaran dan sedang mencari identiti diri. Terdapat dalam kajian Syarifah et al., (2010) juga mendapati bahawa remaja yang mendapat bimbingan yang

- positif daripada keluarga serta mempunyai kesedaran agama yang tinggi mampu berdepan dengan cabaran persekitaran negatif dan secara tidak langsung berupaya untuk mencegah mereka daripada terlibat dengan tingkah laku berisiko. Bagi Wray-Lake et al, (2012), mendapati lebih jauh lagi bahawa peranan komuniti, termasuk juga agama serta amanah dan tanggungjawab sosial juga mampu mencegah perkaitan penggunaan AOD terhadap belia remaja.
- d) Lemah Kawalan Emosi Kendiri Emosi yang negatif sepatutnya dikekang, namun tidak semua orang mampu melakukannya, kerana kadang-kadang ia hilang kesedaran untuk berbuat demikian. Maka tindakan negatif itu berlakulah dalam keadaan yang tidak sedar. Situasi tersebut juga menunjukkan bahawa responden pertama sukar mengekang emosinya semasa hendak melakukan perlakuan buruk. Terutamanya, ketika tercetus hendak melakukan perbuatan buruk, mereka telah hilang pertimbangan diri untuk melakukan kebaikan.
- Badasarkan data tersebut kajian di atas ada persamaan dengan kajian oleh Greenberger, Chen, Tally dan Dong (2000) yang berkaitan dengan keupayaan emosi kendiri. Di mana individu yang mempunyai penilaian negatif atau pun rendah mengenai diri sendiri sering menghadapi kesukaran dan masalah. Mereka didapati mempunyai penghargaan kendiri yang rendah kemudian dikaitkan juga dengan kemurungan, penglibatan dengan rakan sebaya yang nakal dalam kalangan remaja, dan penglibatan dalam tingkah laku delinkuen itu sendiri. Manakala seseorang yang mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi ia sentiasa berfikiran positif dan yakin dengan kemampuan diri (Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif, 2005).

- e) Tiada Kesedaran Potensi Diri Hasil dapatan menunjukkan bahawa responden pertama dan ketiga telah menunjukkan sikapnya yang kurang sedar terhadap potensi dirinya sendiri. Mengikut laporan IPPBM, (2013) melalui Indeks Belia Malaysia (IBM) menunjukkan bahawa terdapat dua domain yang berlaku penurunan iaitu domain identiti dan potensi diri. Jika ditinjau lebih mendalam lagi terhadap Indeks domain Potensi Diri belia dipantau dalam tiga bidang, iaitu Potensi Kepimpinan (IPPBM, 2014). Lantaran itu, Sapora Sipon, (2010) menyarankan bahawa ibubapa perlu bantu para belia remaja memperlihatkan dan sedar akan bakat dan potensi diri mereka dan cuba mengelak daripada terjebak dengan permasalahan sosial.
- yang dinamakan sebagai Mikrosistem (Bronfenbrenner (1979,1989) melibatkan persekitaran yang terdekat iaitu kanak-kanak mempunyai interaksi secara dekat dan menghabiskan masa paling banyak.
- a) Pengaruh Rakan Sebaya Berdasarkan kenyataan responden melalui diskripsi temuramah yang dijalankan menyatakan bahawa, kejadian merokok yang dilakukannya adalah dari pengaruh kawan melalui tawaran kawan terhadap perbuatan merokok itu. Kenyataan itu telah disokong juga oleh responden yang ketiga yang mengakui kejadian mencuri yang dilakukannya adalah berpunca dari Pengaruh Rakan Sebaya. Begitu juga dengan kejadian merokok yang berlaku menunjukkan bahawa peristiwa tersebut berlaku dalam kumpulan, kumpulan rakan sebaya bukan secara persoarangan.

2. Faktor persekitaran

Kehidupan manusia dilingkungi oleh persekitaran yang ada dan persekitaran itu membentuk pengaruh tertentu terhadap kehidupan. Terutamanaya ibu bapa

- b) Pengaruh Keluarga Hasil dapatan menunjukkan kasih sayang ibu bapa yang

berlebihan akan menjadikan belia remaja akan berasa dirinya bebas untuk melakukan apa-apa sahaja yang dikehendaknya. Hal ini kerana ibu bapa yang sentiasa mempertahankan anaknya dalam sebarang situasi sekalipun. Di rumah pula, emak akan membantu bagi menyempurna tugas anak lelakinya. Tugas itu sepatutnya mampu dilakukan sendiri oleh anaknya. Dapatan pengkaji berbeza mengenai delinkuen ini dengan dapatan yang menyatakan bahawa ibu bapa tidak memberi kasih sayang terhadap anak. Pengkaji amat bersetuju dengan pandangan Ibnu Qudamah (1979) yang menyarankan agar ibu bapa tidak terlampau memanjakan dan tidak bermewah-mewah dalam kehendak anak mereka. Lantaran itu beliau menyarankan ibu bapa berikan pakaian kepada anak mereka dengan pakaian yang kasar dan sekali sekala memberi

mereka makan roti kering sahaja.

Hasil dapatan menunjukkan juga bahawa kesibukan ibu bapa dengan tugasannya mungkin akan berlaku kurang pemerhatian terhadap pendidikan anak. Dalam konteks ini pengkaji juga menyetujui pandangan yang menyatakan kesibukan ibu bapa dalam karier mereka dari mengawasi pergerakan belia remaja adalah punca delinkuen tersebut. Pengkaji sepakat dengan Arief dan Wardah (2006) yang menjelaskan ibu bapa yang sibuk dengan kerja boleh menyebabkan hubungan antara anak dengan ibu bapa renggang. Apabila anak-anak pulang dari sekolah, ibu bapa tiada di rumah yang menyebabkan mereka sepi dan ingin mencari teman.

Implikasi

Terdapat beberapa implikasi yang nungkin berlaku disebabkan oleh perbuatan dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan belia remaja. Implikasi dari perlakuan itu akan menghasilkan perkara berikut.

Implikasi Keperibadian

Individu yang bermasalah dilihat sebagai tidak boleh memulihi diri, memerlukan kemesraan, dan persekitaran yang

menyokong untuk mencapai kepuasan kendiri pada tahap yang tinggi. Seseorang yang telah bergelombang dengan masalah keperibadian ia telah mewarnai dirinya dengan perlakuan yang buruk. Beberapa orang penyelidik seperti Hergenhahn dan Olson (1999), Allport (1961) (Zuroff, 1986), Mischel 1981 (Luciano L'Abate, 1994), Eysenck 1967 (Gilliland, 1999) dan Sigmund Freud (1940) telah melontarkan perbincangan mengenai personaliti pada perbezaan individu. Di situdah, akan dipandang individu tersebut berbeza dengan orang yang baik akhlak dan tingkah lakunya. Individu tersebut bukan sahaja dipandang tak elok oleh masyarakat, bahkan mereka juga akan dicemuh dengan perbuatan yang dilakukannya. Kalau di sekolah mungkin guru-guru akan membebek dan memaki pelajar tersebut. Begitu juga kawan-kawan yang baik akhlaknya akan menjauhkan diri dari pelajar tersebut. Impak dari keadaan tersebut kesannya juga akan menyebabkan seseorang itu bermasalah dalam psikologi. Kerana perkaitan diantara personaliti dan psikologi amat rapat. Jika masalah psikologinya serius maka ia akan menghasilkan personalitinya yang serius juga pada tingkah lakunya. Begitu juga jika ia tidak serius maka ia akan menghasilkan tingkah lakunya yang tidak serius.

Implikasi Penghayatan Agama

Beberapa ancaman dan anasir luar telah melanda umat manusia yang bertujuan

untuk melumpuhkan pegangan agama dalam diri. Beberapa orang penyelidik telah menyedari hakikat ini. Mereka semenjak dari masa itu mula membicarakan soal agama dalam pengangan hidup. Para pengkaji kemasyarakatan Barat juga telah menyedari kelemahan dalam sesebuah masyarakat dan pentingnya proses-proses pemantapan akhlak terutama sekali melalui agama (Mohd Sulaiman Yasin, 1992). Menurut Najati (1993), keruntuhan nilai akhlak di dalam sesebuah masyarakat boleh menjadi ancaman kepada kesejahteraan mental individu. Malek Bennabi (1998) pula menyatakan, keruntuhan nilai akhlak turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan, kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat.

Maka penghayatan terhadap ajaran agama Islam adalah rahmat kepada kehidupan seluruhnya. Ia termasuk semua nikmat yang telah dikanuniakan oleh Allah SWT. kepada hamba-Nya, baik yang bersifat umum ataupun yang bersifat khusus, semua itu adalah hasil dari rahmat Allah SWT. Samada berupa kesihatan, harta benda, isteri yang cantik, anak-anak yang sholeh/sholihah, ilmu yang bermanfaat dan sebagainya. Jadi, kesan dari tidak menghayati ajaran Islam bukan sahaja diri sendiri sahaja yang menerima akibatnya, bahkan kehidupan keluarga, masyarakat dan negara juga akan menerima akibatnya. Lantaran itu, Sharifah et al., (2010) dapat

bahawa remaja yang mendapat bimbingan yang positif daripada keluarga serta mempunyai kesedaran agama yang tinggi mampu berdepan dengan cabaran persekitaran negatif dan secara tidak langsung berupaya untuk mencegah mereka daripada terlibat dengan tingkah laku berisiko.

Implikasi Perlakuan Negatif

Kes salah laku pelajar di sekolah menengah agama mengejutkan masyarakat. Ianya agak sukar untuk difahami kerana umum mengetahui bahawa para pelajarnya sentiasa terdedah dengan pembelajaran Islam. Menurut Prof Madya Ali Hasan berkata:

"Dulu kita biasa dengar kes buli berlaku di sekolah berasrama, tetapi kini ia turut berlaku di sekolah aliran agama. Rasa tidak masuk akal apabila kes buli juga berlaku di sekolah aliran agama,"

(Berita Harian: Sabtu 3 Januari 2015)

Namun apa yang berlaku tidak dapat menolak tentang hakikat tersebut, kerana perlakuan yang terjadi adalah hasil dari pembentukan diri seseorang. Remaja yang yang terlibat dengan perbuatan salah laku mereka tidak menyedari bahawa perubahan itu telah berlaku ke atas dirinya. Dimana, pelanggaran-pelanggaran peraturan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar atas desakan dalaman diri yang mempunyai masalah emosi. Kesan desakan itu telah membentuk pelbagai perlakuan

yang dianggap sebagai perlakuan delinkuen. Sehingga kini perlakuan itu telah dikesani melibatkan remaja dalam pelbagai tingkah laku yang menyalahi peraturan dan disiplin sekolah (Sabitha & Mahmood, 1995). Keadaan tersebut amat memberi kesan yang buruk terhadap situasi pembelajaran. Kerana pelajar yang bermasalah dengan disiplin mengikut kebiasaan, prestasi pembelajarannya sangat rendah. Pelajar yang lemah belajar dan gagal berkali-kali dalam peperiksaan, akan merasa kecewa dan hilang minat untuk belajar. Mengikut Rabven (1977) apabila murid-murid tidak berminat dalam sesuatu mata pelajaran yang tertentu dan guru tidak pula berusaha untuk menarik minat mereka, pelajar tersebut akan hilang semangat belajar dan akan melakukan apa juga yang terlintas di hati mereka.

Implikasi Sebagai Pembawa Gejala Sosial

Di sekolah, rakan sebaya dipersekutaran sepatutnya merupakan agen yang berperanan untuk mengajak kawan-kawan bersama-sama untuk menuanikan tanggungjawab. Samada tanggungjawab itu berupa pelajaran atau penghayatan keagamaan. Namun, disebabkan oleh rakan sebaya yang ada telah dilanda masalah maka kesannya akan terpalit dan terpengaruh juga terhadap seorang rakan yang bersama-sama dengannya.

Begitu juga dirumah semasa bersama keluarga menjadi kewajiban

ibubapa adalah untuk mendidik anak-anaknya. Termasuk dalam hal ini memantau pergaulan anak-anaknya tanpa memberi kebebasan yang melampau kepada mereka. Kerana keadaan sedemikian memberi kesan kepada pembentukan diri anak-anak yang mereka tidak sedari terhadap perubahan itu. Sesungguhnya, Betapa banyak anak yang sudah mendapat pendidikan yang bagus dari orang tuanya, namun dirosak oleh pergaulan yang buruk dari rakan-rakannya.

Hal yang demikian membayangkan bahawa betapa delinkuen yang berlaku telah memberi kesan terhadap pembentukan agen kerosakan dan menjadikan persekitaran kurang selamat. Kecuali setiap anggota masyarakat menyedari terhadap keperluan mereka untuk memainkan peranannya dengan wajar. Tanpa berperanan atau bertanggungjawab akan cacatlah kehidupan manusia dalam masyarakat. Feldman dan Weitz (dalam Nor Bakri et al., 2009) dalam kajian mereka mengenai punca-punca yang menyebabkan kelembapan kerjaya dan cara mengatasinya menyatakan bahawa, individu memainkan peranan yang penting dalam mengendalikan permasalahan yang menyebabkan kelembapan kerjaya. Maka seseorang itu perlu berperanan seperti mana yang dijangkakan iaitu meliputi norma-norma yang berhubungan dengan posisi

seseorang dalam masyarakat (Lavenson dalam Soekanto, 2009)

KESIMPULAN

Perlakuan delinkuen di SMKA menunjukkan bahawa tujuan dan matlamat falsafah pendidikan negara dan falsafah SMKA belum tercapai sepenuhnya. Maka ia memerlukan sebuah pendekatan yang lebih komprehensif yang dapat membangunkan belia remaja di SMKA. Dimana, proses pendidikan mesti berlaku dalam pelbagai perkara dan suasana. Ia tidak boleh tertumpu kepada kecemerlangan akademik sahaja. Bahkan, pembentukan sasisah juga mesti seiring dengan akademik. Sebab sesuai dengan pengajaran Islam yang menekankan kepada iman dan amal dalam kehidupan, maka proses ke arah itu mesti berlaku dalam diri warga SMKA.

Cadangan Kajian

Secara rumusannya, merujuk kepada apa yang berlaku dalam kalangan belia remaja pada masa kini menunjukkan ia amat memerlukan sebuah program pembangunan belia yang bukan sahaja tertumpu pada pengisian ilmu sahaja. Sebaliknya ia memerlukan sebuah pendidikan yang ditumpukan juga terhadap pembentukan sasisah. Pembentukan sasisah yang tertumpu kepada pengislahan peribadi yang bersifat dalaman. Ia boleh berlaku dengan mengikuti beberapa strategi

a) Tindakan Preventif

Pertama: Usaha pencegahan terhadap delinkuen pelajar secara umumnya: adalah usaha mengenal dan mengetahui ciri-ciri umum dan khas remaja; mengetahui masalah-masalah yang secara umum dialami oleh para remaja. masalah manakah yang biasa menjadi saluran kepada sebab berlakunya delinkuen.

Kedua: usaha pembinaan remaja iaitu: menguatkan mental remaja supaya mampu menyelesaikan masalah yang dihadapinya, memberikan pendidikan bukan hanya dalam bentuk penambah ilmu dan ketramplian sahaja, bahkan, pendidikan mental dan pribadi melalui pengajaran agama, budi pekerti dan etika, menyediakan prasana yang cukup dan membentuk iklim sejahtera yang optimum demi perkembangan peribadi yang wajar, usaha meperbaiki keadaan persekitaran, keadaan sosial keluarga ataupun masyarakat yang sering berlaku perlakuan negatif pelajar (159-161).

b) Tindakan Represif

Di rumah dan dalam lingkungan keluarga. Sebuah keluarga yang baik adalah keluarga yang mengambil berat soal kehdudukan

anak-anaknya. Kawalan keluarga terhadap anak-anak memberi impak yang sangat baik kepada perkembangan anak-anak.

Di sekolah dan dalam lingkungan sekolah, maka pengetua berkuasa dalam melaksanakan hukuman terhadap pelanggaran tata tertib pelajar di sekolah. Dalam beberapa hal guru juga berhak diberi kuasa tindakan, namun kuasa merotan diberikan oleh pengetua yang memperturunkan kuasanya bagi merotan. Dalam situasi peraturan kini sejauh manakah ia memberi impak yang baik kepada pelajar di sekolah? Isu kuasa merotan pelajar kini menunjukkan ia tidak boleh dibincang lagi. Ia bagaikan satu-satunya ketetapan kementerian yang mesti dilaksanakan.

Pada umumnya tindakan represif bukan terus bertindak merotan, bahkan terlebih dahulu diberi peringatan dan nasihat ataupun surat bertulis kepada pelajar dan ibubapa. Setelah beberapa peringatan dan nasihat dan surat bertulis diberikan masih terdapat pelanggaran berlaku, maka tindakan terakhir adalah merotan dan membuang pelajar tersebut jika merotan tidak pulih keadaannya.

c) Tindakan Kuratif dan Rehabilitasi

Tindakan kuratif dan rehabilitasi iaitu memperbaiki sikap pelajar, terutama individu yang telah melakukan perbuatan tersebut. Tindakan ini dilakukan dan dianggap perlu mengubah tingkah laku pelajar dan memberikan pendidikan lagi. Pendidikan diulangi melalui pembinaan secara khusus, yang boleh dilakukan oleh unit khusus atau seseorang yang pakar dibidang ini. Masalah kenakalan pelajar merupakan sebagian dari masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat dan sudah lama menjadi bahan pemikiran Soejono Soekanto (dalam Panut Panuju dan Ida Umami, 1999) (166-167). Maka tindakan ini akan mengambil masa yang lama untuk memulihnya dan ia perlu dilakukan secara berterusan.

Model Pendidikan

Ternyata dengan lebih jelas bahawa konsep pemikiran pembentukan sahsiah yang diutarakan oleh Hassan Al-Banna mempunyai matlamat yang lebih jauh daripada apa yang dijangkakan. Dimana hasil daripada pengamatan beliau terhadap sejarah jatuh bangun umat Islam dan sejarah kebangkitan pelbagai bangsa di sepanjang zaman, al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna telah menggariskan beberapa perkara yang dikira sebagai

undang-undang universal dalam konteks agenda perubahan dan pembangunan mana-mana umat di dunia.

Pemerkaaan Badan Dakwah

Di institusi pendidikan seperti SMKA program pendidikan yang berteraskan pengislahan peribadi boleh diperkasakan melalui Badan Dakwah dan Redaksi (BADAR) sehingga boleh berlaku sebuah penghayatan Islam yang sebenar dalam masyarakat tersebut. Justeru, BADAR bukan sahaja berperanan sebagai sebuah organisasi yang menyampaikan dakwah malah skop peranannya lebih dari itu. BADAR juga merupakan sebuah badan yang banyak membantu dan menyumbang kepada insitusi pendidikan didalam mendidik, menyedarkan serta membimbing para remaja ke arah penghayatan Islam yang syumul.

Begitu juga dalam masyarakat, masjid dan NGO perlu mengambil inisiatif khusus untuk merealisasi pendidikan yang dimaksudkan itu. Ia boleh dilakukan dengan melatih beberapa orang para pendidik yang akan menjalankan matlamat pendidikan yang dikehendaki. Latihan akan dijalankan oleh orang yang berautoriti dalam pendidikan tersebut.

Peranan Pendidik

Tugas sebagai pendidik terhadap belia/remaja bukan sahaja terhad kepada

guru di sekolah sahaja. Ia merangkumi semua mereka yang mempunyai autoriti untuk mengawal dan menjaga seseorang. Justeru itu, ibubapa, pemimpin masyarakat, imam, dan pemimpin pertubuhan adalah dikira sebagai pendidik secara tidak formal yang bertanggungjawab terhadap belia/remaja. Manakala guru di pusat pendidikan adalah pendidik secara formal yang berperanan sebagai jurulatih dalam pembentukan modal insan di sekolah. Kerana pendidik dalam kontek pembangunan sumber adalah sebagai jurulatih yang akan membentuk generasi belia dan remaja negara.

BIBLIOGRAFI

- Ab, Halim Tamuri, & Khadijah Abdul Razak (2004). *Pengajaran akhlak di sekolah menengah: Persepsi pelajar-pelajar*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3): Antara tradisi dan inovasi (ms. 68-69). Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arief Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar (2006). *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS
- Asmak Haji Ali (2006). *Salah Laku Remaja Masa Kini: Cabaran dan Penyelesaiannya*. UITM Shah Alam: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam.
- Azizi Bin Hj Yahaya Dan Rosnah Binti Hj Buang, (2010). *Punca Berlakunya Masalah Gejala Gengsterisme Di Kalangan Remaja Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Empat Buah Negeri*. Fakulti Pendidikan Utm, Skudai. Artikel
- Azizi Yahaya & et al, (2010). *Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya Dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi Mara (Melaka).
- Azizi Yahaya & Muhamad Jumat Aliju, (2010). *Pengaruh Negatif Rakan Sebaya*. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai. Artikel pp. 1-4.
- Azizi Yahaya et al, (2012). Aggressive behavior and the influencing factors at five schools in Johor bahru. *Elixir International Journal. Elixir Psychology* 42A 6530-6536.
- Azizi Bin Yahaya & Rohaya Binti Ahmad, (2010). *Faktor-Faktor Penyebab Masalah Disiplin Di Sekolah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Azizi Yahaya et al. (2008), *Masalah Dalam Kalangan Remaja*. UTM Skudai.
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, 2008. *Psikologi perkembangan*. Skudai : Penerbit UTM
- Azizi Yahya, (2008). Pengenalan psikologi Perkembangan. Fakulti Pendidikan
- Azizi Hj Yahaya (2004). *Perkembangan Emosi : Emosi Remaja Dan Pembentukan Konsep Kendiri (Part 13)*. UTM, Skudai.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Chan, S. G., & Rodziah, M. N. (2012). Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Perilaku dan Prestasi Akademik Pelajar Sekolah Menengah di Bachok , Kelantan Secondary School Students in Bachok , Kelantan. *Akademika* 82(2), 82(2), 109–118.
- Corcoran, J. & Nichols-Casebot, A. (2004). Risk and resilience ecological framework for assessment and goal formulation.

- Child and Adolescent Social Work Journal, **21**: 211-235.
- Crick, N.R., & Dodge, K.A., (1996). Social information-processing mechanisms in reactive and proactive aggression. *Child Development*, **67**, 993-1002.
- Despert, J.L (1965).*The Emotionally Disterbed Child-Then and Now*, New York, Vantage
- Deshion, T. J., Patterson, G. R., Stoolmiller, M., & Skinner, M. L. (1991). Family, school, and behavioral antecedents to early adolescent involvement with antisocial peers. *Developmental Psychology*, **27**, 172-180.
- Sigmund Freud, (1984). Memperkenalkan Psikoanalisa, terj. Dr.K. Bertens (Jakarta: Gramedia), hlm. xi
- Greenberger, E., Chen, C., Tally, S. R., & Dong, Q. 2000. Family, Peer, And Individual Correlates Of Depressive. Symptomatology among us and chinese adolescents. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, **68**(2), 209-219.
- Hami, W. (2009). Teori Ekologi Bronfenbrenner. Academia.Edu.
- Hairunnizam, Jaffary, R. & M. A. (2008). Pembangunan Modal Insan Melalui Pendidikan Sekolah Agama. DAMAI, Kumpulan Kajian Dunia Melayu & Islam5 ATMA, UKM, 1-15.
- Hasan Al-Banna, (1989). *Majmuk Rasail (Himpunan Risalah)*. Dar Ad-Da'wa. Alexandria.
- Ibnu Qudamah, (1979). *Mukhtasar Minhajul Qasidin*. Maktabah Darul Turath. Kaherah Islam Antarabangsa Malaysia.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPB), (2010). *Kementerian Belia dan Sukan Malaysia*. W. Putrajaya.
- Jas Laili Suzana Jaafar, (2008). Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja. Arah Pendidikan SDN.BHD. Putaka Nasional Malaysia ISBN 978-983-3718-49-8. MS 246-247.
- Luciano L'Abate, C. H. (1994). *A Theory Of Personality Development* (Vol. Wiley Series On Personality Proceses). Canada: Simultaneously.
- Mc Cullough, M.E. & Willoughby, L.B. (2006). Religion, Self-Regulation and Self Control: Association, Explanation and implication. *Psychological Bulletin*, **135** (1): 69-93.
- Malek Bennabi. (1998). *On the Origins of Human Society*. Terjemahan oleh Mohamed.
- Maura O' Keefe (1995). *Predictors of Childs Abuse in Maritally Violent Family. Interpersonal Violence*. **10**(1). 3-21.
- Merriam.S, (1998). *Qualitative Research and Case study Applications In Education* San Francisco Jossey-Bass
- Miles, MB. And Huberman, A.M. (1994). "Qualitative Data Analisys: An Expanded Sourse Book" 2nd. Thousand Oaks, calif: Sage.
- Mohd Sulaiman Haji Yasin. (1992). *Akhlaq Dan Tasawuf*. Selangor: Yayasan Salman.
- Muhammad M Said, (2011). *Tauhid:Filosofi Dan Aplikasinya Dalam Praktek Bank Syari'* Ah. Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN), Palangka Raya Kalimantan Tengah. Email: abiulil@yahoo.com
- Najati, Muhammad Uthman. (1993). *Al-Hadith al-Nabawiy wa 'Ilmu al-Nafs*. Beirut: Dar al-
- Nor Aini Dan, T. (2002). *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bangi: Asy-Syabab Media.
- Nurul Hudani Md.Nawi & Ma'ruf Redzuan. (2011). Pengaruh Faktor Situasi Keluarga

- Ke Atas Penghargaan Kendiri Pelajar Bermasalah Di Sekolah Sekitar Kawasan Pedalaman Di Pantai Timur Sabah. *Malaysian Jurnal Of Youth Studeis*, 191–213.
- Nik Azis Nik Pa (1998). Aktiviti Membina Refleksi dan Pengabstrakan: Perspektif Pendidikan Kanak-kanak Yang Terabai. *Jurnal Pendidikan Islam ABIM*, Tahun 2 Bil. 8, halaman 28.
- Norhasilah Mat Nor & et.al, (2012). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selesa Jaya 2. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, Volume 5 March 2012, Pages 12-29 / ISSN: 2231-735X, Skudai ¹Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia
- Norhani Bakri, Yoong Soon Kiong & Hanipah Hussin, (2009). Hubungan Antara Peranan Individu Dan Organisasi Dengan Amalan Pembangunan Kerjaya. *Journal of Human Capital Development*, ISSN: 1985-7012 Vol. 2 No. 1 January – June 2009. Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia.Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan. Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- Panuju,Panut dan Umami Ida. 1999. *Psikologi Remaja*. Yogyakarta: PT Tiara Wacana Yogyo.
- Reitz E. 2006. Relations Between Parenting And Externalizing And Internalizing Problem Behaviour In Early Adolescence: Child Behaviour As Moderator And Predictor. *Journal of Adolescence*, 29, 419–436
- Rosenberg, M. (1979). *Conceiving the self*. New York, NY: Basic Books, Inc
- Ryff, C.D, (1989). Happiness Is every Thing, or Is It? Explorations On The Meaning of psychological Well-Being. *Jurnal Of Personality and Social Psychology*, 57(6), 1069-1081.
- Soerjono Soekanto, (2009). *Sosiologi Suatu Pengantar*, Edisi Baru,Rajawali Pers. Jakarta
- Syarifah, M.N., Turiman, S., Syamsilah, R., Rahil, M., Haslinda, A., Ismi Arif, I. & Mursyid, A. (2010). Laporan Kajian Fenomena Merempit dan Potensi Remaja Lasak di FELDA. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Wallace, J.M., Jr.; Yamaguchi, R.; Bachman, J.G.; et al (2007). Religiosity and adolescent substance use: The role of individual and contextual influences. *Social Problems* 54(2):308–327,.
- Wray-Lake, L.; Maggs, J.L.; Johnston, L.D.; et al, (2012). Associations between community attachments and adolescent substance use in nationally representative samples. *Journal of Adolescent Health* 51(4):325–331,
- Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan, (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal Of Education Psychology & Counseling*, Volume 1 Mac 2011, Pages 115-140 / ISSN: 2231-735X. Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (Melaka), Faculty Of Education, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia
- Zuroff, D. C. (1986). Personality Proceses And Individual Differences: Was Gordon Allport A Trait Theorist. *Journal Of Personality And Social*., 51(5), 993-1000